



KEMENTERIAN  
ALAM SEKITAR DAN AIR  
Ministry of Environment and Water  
JABATAN ALAM SEKITAR

## KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

### PELANCARAN PELAN STRATEGIK JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) 2021 - 2030 DAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN JAS 2021 – 2030

---

1. **6 OKTOBER 2022, PUTRAJAYA** - Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melancarkan Pelan Strategik Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2021 - 2030 dan Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2021 - 2030 dengan objektif untuk meningkatkan perkhidmatan JAS dalam memenuhi agenda pembangunan nasional melalui strategi yang berkesan.
2. Majlis pelancaran tersebut diadakan sempena Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Melalui Pemeraksanaan Pendigitalan dengan kehadiran wakil-wakil Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), jabatan dan agensi berkaitan, badan berkanun, wakil industri dan orang awam.
3. **Pelan Strategik JAS 2021 - 2030** memfokuskan perkara-perkara berikut:
  - a. Pelan hala tuju JAS dalam jangka pendek (2021-2023), jangka sederhana (2024-2026) dan jangka Panjang (2027-2030). Pelan Strategik JAS ini menekankan kepada misi untuk memelihara dan memulihara alam sekitar untuk keseimbangan dan kesejahteraan semua kehidupan. Rancangan 10 tahun ini memperlihatkan komitmen dan sasaran keberhasilan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif dan pelan tindakan yang telah dirancang;
  - b. Pelan ini berlandaskan kepada 4 teras strategik untuk dilaksanakan:
    - i. Penguatkuasaan Pintar (*Smart Enforcement*);
    - ii. Malaysia Lestari;
    - iii. Kecemerlangan Jabatan Alam Sekitar; dan
    - iv. Keunggulan Global;

- c. Pelan ini akan menjadi inspirasi Ke Arah Malaysia Lestari, dan mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030) serta memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan 2030.
4. Manakala Pelan Strategik Pendigitalan JAS 2021 - 2030 pula menekankan perkara-perkara berikut:
  - a. Pelan hala tuju strategik pendigitalan JAS yang menyokong perancangan strategik JAS dalam memberikan perkhidmatan pengurusan alam sekitar;
  - b. Pelan ini memberi fokus kepada 4 teras iaitu:
    - i. Pemantapan perkhidmatan digital berpacuan data yang komprehensif dan inklusif;
    - ii. Pemantapan Infrastruktur ICT dan keselamatan siber;
    - iii. pemantapan tadbir urus digital yang komprehensif dan
    - iv. pemerksaan kompetensi dan pembudayaan digital; dan
  - c. Pelan ini menjadi rujukan bagi melaksanakan perancangan pembangunan dan pelaksanaan pendigitalan JAS bagi tempoh sepuluh tahun.
5. Kedua-dua Pelan Strategik Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2021 - 2030 dan Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2021 – 2030 ini akan menjadi panduan untuk mengadaptasi teknologi terkini dalam melaksanakan penguatkuasaan alam sekitar yang cekap dan berkesan untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan (*stakeholders*) terutamanya pihak kerajaan, industri, komuniti dan rakyat Malaysia umumnya. Ini sekaligus akan membawa JAS ke tahap yang lebih cemerlang dan berdaya saing serta menjadi salah sebuah agensi alam sekitar yang terunggul di peringkat global.
6. Dalam pada itu, saya menyeru kerjasama dan sokongan padu semua pihak dalam sama-sama memikul tanggungjawab bagi mengawal pencemaran dan menangani isu alam sekitar secara holistik.

**-TAMAT-**

**WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar  
Dikeluarkan pada 6 Oktober 2022